

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN KHAS COVID-19 (BKC)

A. Pengenalan Bantuan Khas Covid-19 (BKC)

1. S: Apakah Bantuan Khas Covid-19 (BKC)?

J: Bantuan Khas Covid-19 (BKC) adalah bantuan tunai langsung yang disediakan oleh Kerajaan bagi meringankan kos sara hidup dan beban rakyat akibat pandemik COVID-19 sehingga akhir tahun 2021.

2. S: Siapakah yang layak menerima BKC?

J: Kategori penerima yang layak menerima BKC adalah berdasarkan syarat kelayakan BPR 2021 dan juga pembayar cukai pendapatan (LHDNM) dengan klasifikasi seperti berikut:

Bil.	Kategori Penerima	Klasifikasi
1.	Miskin tegar	Isi rumah / Warga emas sebatang kara (WE) / Individu Bujang
2.	B40	
3.	M40	

3. S: Adakah perlu membuat permohonan bagi mendapatkan BKC?

J: Permohonan tidak perlu dibuat kerana semakan kelayakan akan dibuat berdasarkan data sedia ada seperti berikut:

Bil.	Kategori Penerima	Data Bantuan
1.	Miskin tegar	Permohonan BPR 2021 yang didaftar secara automatik daripada data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan eKasih
2.	B40	Permohonan BPR 2021
3.	M40	Percukaian (LHDNM)

4. S: Apakah yang dimaksudkan dengan Data Percukaian bagi Penerima BKC?

J: Data pembayar cukai yang berdaftar dengan LHDNM, berstatus aktif dan tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sebagai Penerima BKC.

5. **S: Apakah kriteria semakan kelayakan BKC?**

J: Kriteria semakan kelayakan BKC adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Penerima	Kriteria Semakan Kelayakan
1.	Miskin tegar	Berdasarkan kriteria kelayakan BPR 2021 dengan jumlah pendapatan bulanan:
2.	B40	i. Isi rumah / Warga emas – RM5,000 dan ke bawah ii. Bujang – RM2,500 dan ke bawah
3.	M40	Melaporkan cukai pendapatan dengan jumlah pendapatan bulanan: i. Isi rumah - RM5,001 hingga RM9,000 ii. Bujang - RM2,501 hingga RM5,000

6. **S: Berapakah bayaran BKC yang akan diterima?**

J: Bayaran BKC yang akan diterima adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori Penerima	Amaun Kelayakan		
		Isi Rumah	Warga Emas sebatang kara (WE)	Bujang
1.	Miskin Tegar	RM1,300	RM500	RM500
2.	B40	RM800	RM200	RM200
3.	M40	RM250	RM100	RM100

B. Pembayaran Bantuan Khas Covid-19 (BKC)

7. **S: Bilakah tarikh pembayaran BKC akan dibuat?**

J: Pembayaran BKC akan dibuat seperti berikut:

Fasa Pembayaran	Tarikh Pembayaran
Fasa 1	Ada Akaun: <ul style="list-style-type: none">Miskin Tegar / B40 - mulai 6 September 2021M40 – mulai 9 September 2021 Tiada Akaun: <ul style="list-style-type: none">Mulai 6 September 2021
Fasa 2	November 2021
Fasa 3	Disember 2021

Bil.	Kategori Penerima	Kategori / Amaun Kelayakan	Fasa Pembayaran	Amaun Bayaran (RM)
1.	Miskin Tegar	Isi Rumah / RM1,300	1	500
			2	500
			3	300
		Warga emas sebatang kara (WE) / RM500	1	200
			2	300
		Bujang / RM500	1	200
2	300			
2.	B40	Isi Rumah / RM800	1	500
			3	300
		Warga emas sebatang kara (WE) / RM200	1	200
		Bujang / RM200	1	200
3.	M40	Isi Rumah / RM250	1	250
		Warga emas sebatang kara (WE) / RM100	1	100
		Bujang / RM100	1	100

8. S: Bagaimanakah kaedah bayaran ini dilaksanakan?

J: Pembayaran dibuat berdasarkan kaedah pembayaran seperti berikut:

Bil.	Kategori Penerima	Kaedah Pembayaran
1.	Miskin Tegar	Akaun bank yang telah didaftarkan semasa permohonan BPR 2021
2.	B40	
3.	M40	Akaun bank yang telah didaftarkan dalam rekod percukaian

9. S: Sekiranya pemohon BPR 2021 ada membuat kemas kini maklumat akaun bank, adakah maklumat akaun bank terkini berkenaan digunakan untuk pembayaran Fasa 1 BKC?

J: Maklumat akaun bank yang digunakan untuk pembayaran Fasa 1 BKC adalah maklumat akaun bank semasa pembayaran BPR Tambahan (PEMERKASA+). Sekiranya ada kemaskini maklumat akaun bank yang baharu, maklumat berkenaan akan digunakan untuk pembayaran BKC fasa seterusnya. Paparan maklumat akaun bank akan berbeza pada jadual maklumat bayaran Fasa 1 BKC dan juga ruangan maklumat akaun bank pada Paparan Borang di Portal Rasmi BKC.

C. Semakan status

10. S: Bila dan bagaimana semakan status BKC boleh dibuat?

J: Semakan status BKC boleh dibuat di Portal Rasmi BKC (<https://bkc.hasil.gov.my>) mulai 6 September 2021.

D. Hal-hal lain

11. S: Pasangan saya adalah penerima BPR 2021 tetapi telah meninggal dunia. Adakah permohonan pasangan saya masih layak untuk menerima BKC?

J: Sekiranya penerima BPR 2021 telah meninggal dunia, pembayaran BKC akan dibuat kepada pasangan yang dilaporkan pada Permohonan BPR 2021. Pembayaran adalah secara pengkreditan ke akaun pasangan yang telah dilaporkan atau secara tunai di BSN jika tidak melaporkan maklumat akaun bank.

12. S: Saya tidak memohon BPR 2021, adakah saya akan layak menerima BKC?

J: Penerima BKC adalah merujuk kepada jawapan bagi soalan 3. Sekiranya tuan tergolong dalam kategori data berkenaan dan menepati syarat, tuan akan menerima BKC.

13. S: Saya memohon BPR 2021 tetapi berstatus tidak lulus, adakah saya layak menerima BKC?

J: Permohonan tuan akan disemak silang dengan data percukaian dan penetapan kategori penerima BKC akan ditentukan berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah dan kelayakan untuk menerima BKC.

14. S: Permohonan BPR 2021 saya telah lulus dengan status Bujang tetapi saya telah membuat rayuan dengan status berkahwin, adakah saya layak menerima BKC sebagai isi rumah?

J: Sekiranya tuan ada membuat rayuan BPR 2021 dengan perubahan status kahwin, pembayaran BKC akan dibuat dengan klasifikasi (Isi Rumah / Bujang) yang terkini jika rayuan BPR 2021 berstatus lulus.

15. **S: Saya ada membuat rayuan BPR 2021 kerana permohonan BPR 2021 saya tidak lulus disebabkan pendapatan tidak menepati syarat kelayakan. Adakah saya layak menerima BKC sebagai kategori B40?**

J: Sekiranya Rayuan BPR 2021 lulus, pembayaran BKC akan dibuat berdasarkan kategori BKC (Miskin tegar / B40 / M40) yang terkini.

16. **S: Apakah sebab saya tidak tersenarai sebagai Penerima BKC?**

J: Semakan kelayakan akan dibuat bagi penerima BKC berdasarkan data permohonan BPR 2021 dan juga percukaian yang dilaporkan. Antara sebab tidak tersenarai sebagai penerima BKC adalah seperti berikut:

BIL.	ALASAN
Data BPR 2021	
1.	Tiada maklumat pada permohonan BPR 2021
2.	Penerima BPR 2021 (Bujang dan Warga Emas sebatang kara) meninggal dunia
3.	Permohonan BPR 2021 berstatus tidak layak
4.	Pemohon / Pasangan adalah Penerima GKP
5.	Bekerja / menetap di luar negara
Data Percukaian	
1.	Pemohon / Pasangan adalah Penerima GKP
2.	Pendapatan cukai yang dilaporkan melebihi syarat kelayakan M40
3.	Tidak menghantar Borang Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2020
4.	Pembayar cukai meninggal dunia
5.	Bekerja / menetap di luar negara

17. **S: Saya telah menerima bayaran dan ingin menolak bantuan BKC. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BKC yang telah diterima?**

J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan menyatakan nama penuh, nombor MyKad / Nombor Pengenalan, alamat surat menyurat dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); dan

- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:
Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2 62592 Putrajaya

LHDNM